

17 NOV 1998

APEC-BERITA-VIETNAM/I

MAHATHIR ADAKAN PERBINCANGAN DENGAN PERDANA MENTERI VIETNAM

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Vietnam Phan Van Khai mengadakan perbincangan hari ini yang tertumpu kepada perkembangan perhubungan di antara kedua-dua negara di tengah-tengah krisis kewangan dan ekonomi serantau sekarang.

"Kedua-dua pemimpin telah mengambil ingatan terhadap kejayaan dalam perhubungan di antara kedua-dua negara," Menteri Luar Vietnam Nguyen Manh Cam memberitahu pemberita selepas perbincangan itu yang diadakan di sampingan Sidang Kemuncak Apec di sin.,

Beliau berkata walaupun terdapat kesukaran sekarang di rantau ini, kedua-dua negara telah membangunkan perhubungan yang istimewa.

Di dalam menyelesaikan masalah-masalah, kedua-dua pemimpin mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai keadaan negara satu sama lain, tambahnya.

-- BERNAMA

RIZ SK OS